



# TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN (iPINJAM) TAHUN 2026 SESI PENGAJIAN 2026/2027 SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (SPPNK)



Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) mempelawa Anak-Anak Kedah yang berkecukupan dan memenuhi syarat-syarat berikut untuk memohon pinjaman pendidikan bagi Kemasukan Sesi Pengajian 2026/2027.

## SYARAT UMUM



Warganegara MALAYSIA

Pemohon / Ibu / Bapa  
LAHIR dan MENETAP di KEDAH  
atau BERMASTAUTIN  
SEKURANG-KURANGNYA  
2 TAHUN

Tahap Kesihatan Baik

Tidak menerima bantuan  
/ tajaan kewangan dari  
mana-mana agensi

Ibu / Bapa / Penjaga tidak  
disenarai hitam / dalam  
tindakan undang-undang oleh  
SPPNK

## PERINGKAT PENGAJIAN



Tawaran terbuka kepada:

Pelajar TAHUN PERTAMA  
(SEMESTER 1 dan SEMESTER 2)  
KEMASUKAN BAHARU  
SESI PENGAJIAN 2026/2027  
SAHAJA

SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH  
SARJANA MUDA kali  
PERTAMA secara SEPENUH  
MASA di IPT dalam negara  
sahaja

SVM / STPM / TVET / Asasi / Matrikulasi  
/ Diploma Pendidikan Lepas Ijazah  
(DPLI) / Diploma Eksekutif / Ijazah  
Sarjana (Master) / Doktor Falsafah  
(PhD) TIDAK LAYAK MEMOHON.

## INSTITUT PENGAJIAN TINGGI



- ✓ SEMUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM
- ✓ INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA TERPILIH SAHAJA:

- 1 Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (**UniSHAMS**)
- 2 Asian Institute of Medicine, Science and Technology (**AIMST**)
- 3 Universiti Islam Melaka (**UNIMEL**)

- 4 Universiti Tun Abdul Razak (**UNIRAZAK**)
- 5 University College TATI (**UC TATI**)
- 6 Universiti Selangor (**UNISEL**)
- 7 **Institut Pertanian**  
(Jabatan Pertanian Malaysia sahaja)

## KADAR PEMBIAYAAN SETAHUN



UniSHAMS

DIPLOMA RM12,000

IJAZAH\* RM14,000

IPTA / IPTS LAIN

SIJIL RM3,000

DIPLOMA RM5,000

IJAZAH RM7,000

*\*Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dan Perubatan tidak layak memohon*

Wang pinjaman disalurkan terus ke akaun pelajar setiap semester.

Pelajar perlu memperolehi Purata Nilai Gred (PNG / GPA) 2.5 dan ke atas setiap semester.



# TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN (iPINJAM) TAHUN 2026 SESI PENGHAJIAN 2026/2027 SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (SPPNK)



## KAEDAH PERMOHONAN



Tawaran dibuka bermula pada **11 OGOS 2026 hingga 15 SEPTEMBER 2026\***

Permohonan adalah secara dalam talian (*online*) sahaja.

Layari laman web rasmi SPPNK: [sppnk.kedah.gov.my](http://sppnk.kedah.gov.my) untuk memohon. Tarikh semakan keputusan permohonan akan diumumkan dari semasa ke semasa, melalui laman web rasmi SPPNK. Keputusan permohonan selepas tarikh tutup adalah **MUKTAMAD**.

*\*tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa*

## SENARAI DOKUMEN SOKONGAN



MyKad Pemohon

Sijil Kelahiran Pemohon

Sijil SPM / SVM

Sijil Berhenti Sekolah

Sijil Kokurikulum

MyKad Ibu dan Bapa / Waris

Slip Gaji\* Ibu dan Bapa

*\*Penyata Pencen atau Borang  
Pengesahan Pendapatan  
(BPPSPPNK/08) bagi surirumah dan  
yang tiada pekerjaan*

Borang Pengesahan  
Bermastautin

*(BPPSPPNK/10) oleh Penghulu Mukim /  
Imam Kariah Negeri Kedah / MKK*

Surat Tawaran Pengajian ke IPT

Pengesahan Pendaftaran /  
Resit Bayaran  
Pendaftaran IPT

*jika berkaitan:*

Sijil STPM / STAM / Matrikulasi / Asasi  
Sijil / DVM / Diploma

Sijil Pengangkatan Anak Angkat

## MAKLUMAT PENTING



IMBAS KOD QR UNTUK MEMOHON



04-702 7296 / 7291



[sppnk.kedah.gov.my](http://sppnk.kedah.gov.my)



[sppnk@kedah.gov.my](mailto:sppnk@kedah.gov.my)

Semua salinan dokumen sokongan mestilah **JELAS** dan telah **DIAKUI SAH** oleh individu yang tersenarai **SAHAJA**. Selain daripada kategori di bawah tidak diterima:

- ✓ Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman:  
Majistret / Pegawai Undang-Undang
- ✓ Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan "A" / Gred 9 ke atas):  
Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah / Penolong Setiausaha / Penolong Pengarah /  
Pengetua Sekolah / Guru Besar
- ✓ Pesuruhjaya Sumpah yang berkhidmat di Mahkamah
- ✓ Penghulu Mukim Negeri Kedah

Tandatangan dalam bentuk cap (*stamp*) atau digital tidak dibenarkan.

Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** / **TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT** / maklumat yang dikemukakan didapati tidak benar tidak akan dipertimbangkan. SPPNK berhak **MENOLAK** dan membatalkan permohonan tersebut.